



UNTUK EDARAN
SEGERA

SIARAN MEDIA

PENAMBAHBAIKAN AKTA TAT MEMACU TRANSFORMASI LTAT SERTA MENGUKUHKAN PERLINDUNGAN SOSIAL PENCARUM TENTERA

Kuala Lumpur, 17 Januari 2022: Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) hari ini menyambut baik pengumuman oleh YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Kanan Pertahanan bahawa pembentangan cadangan pindaan Akta Tabung Angkatan Tentera (TAT) telah mendapat kelulusan oleh Kabinet.

Cadangan pindaan Akta TAT merupakan asas penting yang bakal memacu transformasi LTAT ke peringkat seterusnya agar ia dapat mengukuhkan tadbir urus dan menambahbaik kerangka pelaburan mengikut perumpukan aset strategik (strategic asset allocation – SAA). Kerangka baru ini bakal menjamin pulangan yang mampan dan kompetitif kepada pencarumnya, yang terdiri daripada Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Ketua Eksekutif LTAT, YBhg. Dato' Nazim Rahman berkata, "sejak Jun tahun lepas, LTAT telah memainkan peranan aktif dalam menerajui sesi libat urus bersama pihak berkepentingannya agar transformasi LTAT diselaraskan dengan teras Pelan Strategik Kementerian Pertahanan 2022 (PT22). Sinergi bersama Kementerian Pertahanan ini amat penting agar transformasi LTAT dapat dilaksanakan dengan berkesan bagi mengukuhkan perlindungan sosial serta menjamin kelangsungan hidup masa hadapan anggota tentera."

Antara inisiatif penambahbaikan Akta TAT yang bakal memanfaatkan pencarumnya:

- Pindaan di bawah Seksyen 12 akan membenarkan pencarum mengeluarkan sebahagian daripada simpanan mereka setelah bersara kelak, dan baki yang masih tersimpan di dalam LTAT layak menerima dividen;
- Pindaan di bawah Seksyen 15 akan memastikan pelaburan yang dijalankan LTAT adalah berdasarkan kepada kerangka perumpukan aset strategik (SAA) serta polisi pelaburan bagi memberi pulangan dividen yang lebih kompetitif dan mampan kepada pencarum;
- Mewujudkan peruntukan seksyen baru bagi mendapatkan jaminan Kerajaan ke atas simpanan persaraan pencarum LTAT, sama seperti jaminan Kerajaan terhadap simpanan pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Kumpulan Wang Persaraan (KWAP) dan Lembaga Tabung Haji (LTH).

Selain daripada pindaan yang disenaraikan, penambahbaikan Akta TAT juga mengukuhkan tadbir urus LTAT sebagai dana persaraan seperti menetapkan kewajipan berjaga-jaga (duty of care) kepada ahli Lembaga, Pengurusan dan pegawai LTAT untuk melindungi kepentingan pencarumnya, serta menambahkan komposisi ahli bebas panel pelaburan yang terdiri daripada individu yang berpengalaman dan berwibawa dalam aspek pelaburan.

LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA (LTAT)
17 JANUARI 2022

Mengenai LTAT

Ditubuhkan pada bulan Ogos 1972 di bawah Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (Akta 101), LTAT merupakan badan berkanun yang menyediakan kemudahan kepada para Pegawai dan anggota Lain-lain pangkat Angkatan Tentera Malaysia serta anggota kerahan sukarela menabung untuk persaraan mereka.

Di bawah skim LTAT, pencarum dikehendaki wajib mencarum 10% daripada gaji bulanan dan Kerajaan akan mencarum sebanyak 15% sebagai majikan kepada LTAT. Di bawah skim simpanan bagi pencarum sukarela, simpanan dibenarkan sekurang-kurangnya RM25 sebulan sehingga had maksimum RM2,000 sebulan. LTAT menguruskan hampir RM9.7 bilion Aset Di bawah Pengurusan setakat Disember 2021, dengan portfolio pelaburan merangkumi pelbagai industri seperti pembangunan hartanah, perladangan, farmaseutikal, perbankan dan urusniaga kewangan serta industri berat.

LTAT menawarkan aplikasi MyWIRA yang memberi kemudahan kepada pencarum untuk mengakses akaun mereka di mana sahaja, pada bila-bila masa. Aplikasi MyWIRA ini adalah merupakan alternatif kepada platform atas talian sediada LTAT seperti e-Kiosks dan i-wira.

PERHUBUNGAN MEDIA:

Pn. Nurin Mastura
Pengurus, Komunikasi
Jabatan Komunikasi
Lembaga Tabung Angkatan Tentera
Tingkat 8, Bangunan LTAT
Jalan Bukit Bintang, 55100 Kuala Lumpur

E-mel: nurin@ltat.org.my
Laman web: www.ltat.org.my